

12/11/1998

PM prihatin masalah bonus

Zulkofli Jamaludin; Salina Abdullah
KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sangat prihatin dengan masalah bonus kakitangan awam, walaupun kerajaan tidak mempunyai kemampuan untuk membayarnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata walaupun kerajaan rasa ada keperluan untuk memberi bonus, kewangannya adalah terhad.

"Sukar bagi kerajaan untuk menimbang pemberian bonus dalam keadaan ekonomi yang gawat dan kemampuan yang terhad.

"Bagaimanapun, perkara ini akan dibincangkan dalam perbincangan di antara Dr Mahathir dan Cuepacs yang sedang diatur secepat mungkin," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999, peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab masalah dibangkitkan penyokong kerajaan yang meminta kerajaan membayar sebahagian bonus atau insentif kepada kakitangan awam bagi menghargai sumbangan mereka.

Sehubungan itu, beliau meminta kakitangan awam bersabar menunggu hasil pertemuan di antara Cuapacs dan Perdana Menteri itu nanti.

Sebelum itu, Fauzi menjadi tumpuan apabila beberapa wakil rakyat berulang kali bangun meminta penjelasan mengenai pelbagai kemudahan di Parlimen, termasuk alat siaran yang tidak boleh digunakan.

Alat siaran yang dilengkapi mesin pesanan dan boleh merekodkan kehadiran wakil rakyat itu, dipercayai dipasang kontraktor dua tahun lalu tetapi sehingga kini belum boleh digunakan.

Fauzi berkata, beliau akan membawa masalah itu kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tindakan segera dan jika gagal diselesaikan, ia boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Ahli Parlimen Parit Sulung, Ruhanie Ahmad, ketika membahas usul itu berkata, beliau pernah membangkitkan masalah berkenaan tahun lalu, tetapi tiada sebarang tindakan diambil.

Berikutan itu, Ruhanie yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan meminta masalah kegagalan pemasangan alat siaran berkenaan dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), supaya tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap mereka terbabit.

Mengenai penerangan nilai Islam dalam masyarakat dan pentadbiran kerajaan, Fauzi berkata perkara itu sukar disukat dari sudut kuantiti, tetapi dilihat dari sudut kualiti.

"Kita lihat semakin ramai anggota masyarakat menerapkan nilai-nilai Islam dari segi amalan dan penghayatan. Malah, di dewan ini pun kebanyakan wartawan wanita Islam memakai tudung," katanya.

(END)